

BAB 4

ANALISIS *MAQĀSHID SHARĪ'AH* TERHADAP SKIM WANG KHAIRAT KEMATIAN (SWKK)

4.1 Pengenalan

Maqāshid Sharī'ah bukanlah satu perkara yang asing dan terpencil pada zaman moden kini. Seiring peredaran zaman, ilmu mengenai *Maqāshid Sharī'ah* telah banyak dibincangkan oleh para ilmuwan dan sarjana mengenai pengenalan, kepentingan dan keperluan terhadap disiplin ilmu ini. Selari dengan kecanggihan teknologi, ilmu mengenai *Maqāshid Sharī'ah* telah berkembang dengan meluas tanpa sempadan dan secara tidak langsung dapat memberi manfaat khususnya kepada masyarakat Muslim di seantero dunia. Tambahan pula, ilmu *Maqāshid Sharī'ah* kini merupakan antara ilmu yang penting dan perlu untuk difahami kerana wujudnya perkara, isu dan permasalahan baru yang tidak pernah berlaku pada zaman dahulu akan tetapi, ia telah muncul pada masa kini sehinggakan perlunya kepada penjelasan terhadap *Maqāshid Sharī'ah* bagi menghuraikan dan menentukan kebolehan serta keharusan sesuatu perkara.

Pada bab ini, pengkaji akan menghuraikan definisi *Maqāshid Sharī'ah* dan *maṣlahah*, kaedah dan bahagian yang terdapat dalam *Maqāshid Sharī'ah*, tingkatan *Maqāshid Sharī'ah* dan kaitannya dengan SWKK serta peranan *Maqāshid Sharī'ah* dalam tadbir urus SWKK yang melibatkan dua prinsip utama dalam *Kuliyyatul Khams*.

4.2 Definisi Maqāṣid Sharī'ah

Maqāṣid dari segi bahasa adalah kata bilangan jamak bagi perkataan '*maqṣad*' yang membawa maksud 'bermaksud atau berniat', 'menuju kepada sesuatu, lurus ataupun sederhana' (Al-Khādimī, 2001). Perkataan '*maqṣad*' telah tertulis di dalam surah Luqman ayat 19 iaitu:

﴿وَأَقْصِدْ فِي مَشْيِكَ...﴾

Maksudnya: “Dan sederhanalah kamu dalam berjalan...”

Dari segi istilah pula ia membawa maksud suatu matlamat dan objektif bagi hukum-hakam ataupun undang-undang (Ibn Rabī'ah, 2019). Ini adalah selari dengan maksud yang telah dinyatakan oleh Wan Mohd Nasir (2011) bahawa *Maqāṣid Sharī'ah* membawa maksud tujuan, maksud dan objektif, manakala, *Sharī'ah* ialah perkataan yang berasal daripada kata kerja '*syara'ca*' – '*yasyra'cu* – *syar'can*'. Padanya mempunyai beberapa makna iaitu mengambil air dengan mulut, sumber air minum, agama, jalan atau cara (Al-Khādimī, 2001). Secara umumnya, *Sharī'ah* membawa maksud hukum-hakam yang telah ditetapkan dan dijelaskan serta diturunkan oleh Allah S.W.T kepada para nabi berdasarkan firman Allah S.W.T di dalam surah Al-Maidah ayat 48 yang berbunyi:

﴿لِكُلِّ جَعَلْنَا مِنْكُمْ شِرْعَةً وَمِنْهَا جَاةٌ وَلَوْ شَاءَ اللَّهُ لَجَعَلَكُمْ أُمَّةً وَاحِدَةً وَلَكِنْ لِيَبْلُوَكُمْ

فِي مَآءِ آتَانَكُمْ ۗ﴾

Maksudnya: “Untuk tiap-tiap umat diantara kamu, Kami berikan (tetapkan) aturan dan jalan yang terang (yang wajib diikuti oleh masing-masing). Sekiranya Allah menghendaki, nescaya kamu

dijadikan-Nya satu umat (yang bersatu dalam agama yang satu), tetapi Allah hendak menguji kamu (dalam menjalankan) terhadap pemberian-Nya kepadamu (apa yang telah disampaikan kepada kamu).”

Para ulama terkemudian telah mendefinisikan *Maqāṣid Sharīʿah* dengan beberapa pengertian. Antaranya ialah Ibn ʿAshūr (1998) yang telah mendefinisikan *Maqāṣid Sharīʿah* sebagai suatu pemahaman dan rahsia yang boleh difahami daripada pensyariatannya agama dari segenap aspek sama ada secara keseluruhan ataupun sebahagian besar. ʿAlal al-Fāsī (1966) pula mentakrifkan bahawa *Maqāṣid Sharīʿah* merupakan objektif dan tujuan yang datangnya dari Syariah dan padanya terdapat rahsia-rahsia yang diletakkan oleh pembuat Syariah (Allah) bagi setiap hukum. Manakala, Al-Raysūnī (1992) pula menyimpulkan bahawa kedua-dua maksud di atas ialah sebagai objektif yang boleh diraih oleh manusia melalui ketentuan Syariat untuk keperluan sejangat.

Selain itu, pengertian *Maqāṣid Sharīʿah* menurut Imam Al-Ghazālī (1993) pula menyatakan bahawa *Maqāṣid Sharīʿah* adalah seperti berikut:

” نَعْنِي بِالْمَصْلَحَةِ : الْمِحَافَظَةُ عَلَى مَقْصُودِ الشَّرْعِ، وَمَقْصُودِ الشَّرْعِ مِنَ الْخَلْقِ خَمْسَةٌ،
وَهُوَ أَنْ يَحْفَظَ عَلَيْهِمْ دِينَهُمْ وَنَفْسَهُمْ وَعَقْلَهُمْ وَنَسْلَهُمْ وَمَالَهُمْ، فَكُلُّ مَا يَتَضَمَّنُ حِفْظَ
هَذِهِ الْأُصُولِ الْخَمْسَةِ فَهُوَ مَصْلَحَةٌ، وَكُلُّ مَا يَفُوتُ هَذِهِ الْأُصُولَ فَهُوَ مَفْسَدَةٌ،
وَدَفْعُهَا مَصْلَحَةٌ.”

Maksudnya: “Kami maksudkan dengan *maṣlahah* ialah memelihara objektif syarak. Objektif syarak daripada penciptaan ialah lima

perkara iaitu memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta mereka. Maka, setiap tindakan yang mengandungi elemen terhadap lima perkara asas ini adalah *maṣlahah*. Manakala setiap tindakan yang meluputkan dan menjejaskan lima asas ini, ia adalah mafsadah. Dan menggugurkan atau menghilangkan mafsadah merupakan suatu *maṣlahah*.”

(Imam Al-Ghazālī, 1993)

Berdasarkan kepada definisi yang telah dinyatakan di atas, menunjukkan bahawa *Maqāṣid Sharī'ah* sangat berkait rapat dengan *maṣlahah* (kebaikan) umat. Mutakin (2017) turut menyatakan bahawa pelaksanaan Syariat dalam kehidupan adalah semata-mata untuk memberi kemaslahatan kepada makhluk di dunia dan seisinya serta kebaikan di akhirat. Dapat dikatakan bahawa *maṣlahah* merupakan perkara awal yang akan dilihat bagi menentukan sesuatu perkara itu menepati objektif Syariah atau sebaliknya. Lantaran itu, huraian terhadap *maṣlahah* perlu diambil kira bagi menghasilkan satu rumusan yang tepat terhadap *Maqāṣid Sharī'ah*.

4.2.1 Maṣlahah

Ibn Taimiyah (1982) telah menyatakan bahawa “*Syariat datang dengan membawa maṣlahah-maṣlahah serta menyempurnakannya dan menghilangkan mafsadah-mafsadah serta mengurangkannya*”. Definisi ini disokong dengan kenyataan yang dibawa oleh Imam Al-Ghazālī (1993) bahawa “*pada asalnya dari sudut uruf bermaksud mendapatkan manfaat ataupun mengelak kemudaratan*”. Manakala, melalui pemerhatian Al-Syātībī (1997) pula, beliau mendapati bahawa “*amalan-*

amalan syarak tidak bertujuan untuk amalan itu sendiri, tetapi terdapat perkara lain yang merupakan maksud atau tujuannya iaitu maṣlahah-maṣlahah yang dikehendaki daripada pensyariaan". Maka dengan itu, dapat difahami bahawa *maṣlahah* merupakan kunci utama dalam penentuan *Maqāṣid Sharī'ah*.

Terdapat tiga pembahagian *maṣlahah* yang telah dibahagikan oleh ulama sebelum ini iaitu *maṣlahah* yang padanya terdapat kesaksian syarak yang boleh diambil kira iaitu *maṣlahah mu'tabarah*. Seterusnya, *maṣlahah* yang terdapat padanya kesaksian syarak yang tidak boleh diambil kira iaitu *maṣlahah mulghāh* dan yang terakhir ialah *maṣlahah* yang tidak ada sebarang kesaksian syarak sama ada yang diambil kira ataupun tidak. *Maṣlahah* ini dinamakan dengan *maṣlahah mursalah* (Asy-Syanqiti, 2019). Oleh itu, berdasarkan kepada proses amalan SWKK yang telah menjadi satu budaya masyarakat Melayu di Malaysia ini, ia boleh dikategorikan sebagai *maṣlahah mursalah* kerana amalan ini secara jelasnya tidak ada disebut dalam mana-mana nas al-Quran, Sunnah serta ijmak. Akan tetapi, ia merupakan satu ijihad terhadap perkara-perkara baharu yang muncul seiring perkembangan dunia yang berubah mengikut peredaran zaman.

Selanjutnya, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2019) telah menjelaskan secara terperinci akan *maṣlahah* sebagai elemen penentu dalam sesebuah proses bagi mendapatkan keputusan yang tepat dan tidak terkeluar daripada syarak. Berikut merupakan dasar dan garis panduan yang menjadi teras kepada *maṣlahah* bagi menentukan bahawa *maṣlahah* tersebut adalah bertepatan dan diiktiraf oleh landasan syarak, iaitu:



Rajah 4.1: Asas-asas pembentukan *maslahah*

1. *Maṣlahah* mestilah tidak bercanggah dengan dalil *qat'i* daripada al-Quran, sunnah ataupun *ijma'*.
2. *Maṣlahah* haruslah selari dengan objektif syarak (tiada isu terhadap asas prinsip, dasar dan dalil hukum syarak).
3. *Maṣlahah* yang lebih penting perlu diutamakan berbanding *maṣlahah* yang kurang penting.
4. *Maṣlahah* hanya melibatkan perkara adat dan muamalat yang padanya boleh berlaku perubahan pada hukum mengikut peredaran zaman dan tidak melibatkan perkara yang hukumnya konkrit dan tidak boleh berubah (hanya melibatkan perkara *ijtihad* sahaja).
5. *Maṣlahah* perlulah diyakini akan kebolehnya dalam memberi dan mendatangkan manfaat kepada umat serta tidak menyebabkan berlakunya kemudaratan atau *mafsadah* yang lebih besar atau setara jika ia diaplikasikan.

6. Kewujudan *maṣlahah* mestilah dilaksanakan demi kepentingan masyarakat sejagat dan bukan untuk kepentingan mana-mana individu.
7. *Maṣlahah* wajib dibina atas dasar dan timbangan Syarak, bukan berlandaskan hawa nafsu mahupun logik akal semata.

Bagi garis panduan 1,2,4,6,7, ia melibatkan kepada sumber pensyariatian dan juga prinsip *maṣlahah*, dan SWKK dilihat telah pun menepati garis panduan tersebut. Ini kerana, pada dasarnya konsep SWKK adalah berlandaskan prinsip-prinsip mulia seperti sedekah, hibah dan *al-birru* dan tiada sebarang penglibatan yang buruk ataupun mungkar (Shahbuddin & Gunardi, 2022). Secara tidak langsung, SWKK telah mencapai objektif syarak kerana asas dan dasar serta dalilnya adalah selari dengan hukum syarak (Gunardi et al., 2023). Selain itu, SWKK sememangnya tergolong di dalam kategori adat sesama Muslim kerana ia telah diamalkan sejak dahulu lagi. Tambahan pula, SWKK merupakan adat yang sangat digalakkan malah banyak memberi kebaikan kepada masyarakat dengan menerapkan nilai-nilai murni ke dalam diri individu (Gunardi et al., 2023).

Seterusnya, dari sudut pelaksanaan SWKK pula, ia sangat membantu dan meringankan beban masyarakat Muslim, lebih-lebih lagi kepada mereka yang kurang berkemampuan kerana segala peralatan dan kemudahan telah disediakan oleh pihak masjid (Mahaudin, 2022). Di samping itu, pada asalnya pelaksanaan SWKK ini tidak memberi keuntungan kepada mana-mana individu kerana setiap perkara yang melibatkan kewangan SWKK akan diaudit oleh pihak JAIS dan pihak yang berautoriti (Saim, 2022). Ini bermakna, pengurusan SWKK akan sentiasa berada dalam pantauan pihak yang berkuasa. Oleh itu, berdasarkan kepada dapatan di atas, jelaslah bahawa SWKK adalah *maṣlahah* yang bersesuaian dengan objektif syarak. Ini kerana, terdapat

kebaikan dan manfaat yang besar daripada pelaksanaan SWKK kepada umat Islam seperti bantuan pengurusan jenazah yang secara tidak langsung dapat membantu ahli waris menguruskan jenazah si mati dengan sempurna.

Adapun garis panduan *maṣlahah* bagi nombor 3 dan 5, ia melibatkan kepada kesan dan impak pelaksanaan SWKK. Oleh itu, soal selidik terhadap keperluan dan tadbir urus SWKK dalam kalangan masyarakat telah dilaksanakan dan hasil kajian mendapati bahawa hampir kesemua responden yang menyertai SWKK masing-masing menyatakan bahawa ia merupakan satu kepentingan bagi umat Islam dalam membantu memudahkan proses pengurusan jenazah ahli keluarga. Sudah terbukti bahawa SWKK merupakan *maṣlahah* yang penting dan diyakini mampu memberi manfaat berbanding mudarat lebih-lebih lagi apabila ia melibatkan pengurusan jenazah. Selain daripada itu, SWKK juga turut memberi manfaat tambahan selain pengurusan jenazah seperti wang ihsan, majlis tahlil, tajaan makanan dan sebagainya turut diterima oleh ahli waris bergantung kepada pengurusan SWKK di kawasan masing-masing.

4.3 Kaedah dan Bahagian *Maqāṣid Sharī'ah*

Bagi mendalami kaitan sesuatu perkara dengan *Maqāṣid Sharī'ah*, pengkaji telah menyenaraikan dua kaedah *Maqāṣid Sharī'ah* yang menjadi tunjang kepada keperluan terhadap amalan SWKK ini. Dua kaedah utama *Maqāṣid Sharī'ah* yang dimaksudkan ialah:

1. (إن وضع الشرائع إنما هو لمصالح العباد) yang membawa maksud Syariat itu

difardhukan semata-mata untuk kemaslahatan hamba.

2. (مبنى الشريعة على تحصيل المصالح وتكميلها، وتعطيل المفاسد وتقليلها) yang membawa maksud asas Syariat adalah untuk mencapai kebaikan dan menyempurnakannya, serta menghalang keburukan dan mengurangkannya (Abdul Mutalib, 2022).

Kaedah-kaedah di atas adalah bertepatan dengan dalil-dalil di dalam al-Quran.

Firman Allah S.W.T di dalam Surah Al-Anbiya', ayat 107 yang berbunyi:

﴿ وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ ﴾

Maksudnya: “Dan tiadalah Kami mengutus kamu, melainkan untuk (menjadi) rahmat bagi semesta alam.”

Firman Allah S.W.T di dalam Surah Al-Hajj, ayat 78 yang berbunyi:

﴿ وَمَا جَعَلَ عَلَيْكُمْ فِي الدِّينِ مِنْ حَرَجٍ ﴾

Maksudnya: “Dan Dia sekali-kali tidak menjadikan untuk kamu dalam agama suatu kesempitan.”

Firman Allah S.W.T di dalam Surah Al-Maidah, ayat 6 yang berbunyi:

﴿ مَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيَجْعَلَ عَلَيْكُمْ مِنْ حَرَجٍ ﴾

Maksudnya: “Allah tidak hendak menyulitkan kamu.”

Dalil di atas menunjukkan bahawa sesungguhnya objektif Syariat merupakan suatu rahmat iaitu belas kasihan dan kasih sayang bagi manusia sekalian alam dengan menarik minat dan perhatian manusia untuk melakukan kebaikan dan mengelakkan daripada melakukan kezaliman serta mengangkat kesusahan dan kemudaratan.

Hakikatnya, terdapat banyak lagi kaedah dan dalil *Maqāṣid Sharī'ah* yang boleh diteroka dan dibincangkan secara lebih mendalam bagi menghasilkan dapatan yang lebih menyeluruh. Namun, di dalam kajian ini pengkaji hanya memfokuskan kepada dalil utama terhadap *Qawa'id Maqāṣid Sharī'ah* sahaja.

Beralih kepada konteks pembahagian *Maqāṣid Sharī'ah* pula, secara umumnya *Maqāṣid Sharī'ah* terbahagi kepada beberapa bahagian. Akan tetapi, pengkaji akan memberi fokus terhadap pembahagian *Maqāṣid Sharī'ah* dari sudut perspektif rangkuman iaitu meliputi *Maqāṣid 'Ammah*, *Maqāṣid Khaṣ* dan juga *Maqāṣid Juz'iy* (Abdul Rahman, 2015). Merujuk kepada tajuk yang dipilih oleh pengkaji mengenai SWKK, *Maqāṣid 'Ammah* dilihat lebih berkait dengan tajuk ini. Ini disebabkan kepada definisi *Maqāṣid 'Ammah* yang ditulis oleh Al-Najjar (2008), Yamani (2006) dan Alias et. Al., (2020) iaitu merupakan tujuan syarak yang membawa kepada kesejahteraan manusia secara keseluruhannya meliputi penjagaan agama, nyawa, akal, keturunan dan juga harta. Kelima-lima penjagaan berikut turut dikenali sebagai *Ḍarūriyyāt al-Khams* (Ghazali, 2014).

Tujuan tersebut adalah bagi mengelakkan daripada kesusahan serta memberi kemudahan kepada manusia. Selain itu, menjadikan kehidupan manusia agar lebih tersusun dan teratur yang juga termasuk dalam takrifan *Maqāṣid 'Ammah*. Seterusnya, keutamaan *Maqāṣid Sharī'ah* ini adalah untuk mendatangkan kebaikan kepada umat manusia secara amnya serta menjauhkan mereka daripada keburukan. Objektif ini dapat dilihat dalam dasar pelaksanaan SWKK itu sendiri yang bertujuan untuk membantu manusia dalam menguruskan perihal jenazah. Lebih-lebih lagi pada zaman moden kini yang telah memperlihatkan gaya kehidupan masyarakat yang semakin sibuk dan

mencabar telah menjadikan SWKK sebagai satu keutamaan dalam mendapatkan bantuan pengurusan jenazah.

Selanjutnya, SWKK juga dilihat sesuai untuk dikategorikan di dalam bahagian *Maqāsid Khaṣ* sekiranya SWKK ini merujuk kepada perkara berkaitan hukum-hakam. Ini adalah kerana *Maqāsid Khaṣṣah* merupakan suatu perkara penting yang dipertimbangkan oleh Syariah dalam menentukan sesuatu hukum seperti hukum faraid dan harta pusaka, hukum berkaitan kekeluargaan seperti hikmah tebus talak, hikmah hak talak kepada kaum Adam, hikmah berkaitan urusan kewangan seperti *ar-rahnu* dan banyak lagi serta termasuk juga hikmah solat, zakat dan juga haji (Ghazali, 2014). Dalam erti kata lain, *Maqāsid Khaṣṣah* juga didefinisikan sebagai *maṣlahah* yang ingin dipelihara dalam bab-bab yang tertentu (Nabilah & Hayah, 2022).

Manakala bagi *Maqāsid Juz'iy* pula, ia tidak berkaitan dengan SWKK kerana ia dikenali sebagai objektif serpihan atau sebahagian yang tidak menyentuh isu ummah juga dimaksudkan sebagai tujuan, motif, atau rahsia yang diberikan oleh Allah S.W.T bagi sesuatu hukum (Ghazali, 2014). Gumanti (2018) turut menyatakan definisi yang sama bagi perkara ini. *Maqāsid Juz'iy* berkaitan dengan sesuatu perkara atau persoalan secara khusus misalnya pengharaman arak kerana kesannya yang boleh memabukkan, pengharaman dalam memakan bangkai kerana kesannya yang mampu memberi kemudahan kepada kesihatan serta kewajipan dalam menunaikan zakat bagi membantu individu dan golongan yang memerlukan (Alias et al., 2018).

Maka, berdasarkan huraian di atas, pengkaji telah menghuraikan kesemua definisi *Maqāsid 'Ammah*, *Maqāsid Khaṣṣah* dan juga *Maqāsid Juz'iy* secara jelas dan daripada dapatan berikut pengkaji mendapati bahawa SWKK merupakan amalan yang sesuai untuk diletakkan di bawah kategori *Maqāsid 'Ammah* dan *Maqāsid Khaṣṣah*.

Seterusnya, pengkaji akan memfokuskan terhadap analisis terhadap dua teori

Darūriyyāt al-Khams (*ḥifẓ dīn* dan *ḥifẓ māl*) iaitu merupakan tingkatan *maṣlahah* yang tertinggi dalam *Maqāṣid Sharī'ah*. Kemudian, analisis terhadap tingkatan *Maqāṣid Sharī'ah* yang kedua (*ḥājīyāt*) dan ketiga (*taḥsiniyyāt*) turut akan dikupas dalam perbincangan yang terakhir dalam bab ini.


4.3.1 Tingkatan *Maqāṣid Sharī'ah*

Seterusnya, pengkaji telah melakukan penelitian terhadap *Maqāṣid Sharī'ah* dari sudut tingkatan keperluannya iaitu *darūriyyāt*, *ḥājīyāt* dan *taḥsiniyyāt*. Secara umumnya, perkara *darūriyyāt* merujuk kepada menjaga keperluan asas kehidupan manusia iaitu dikenali sebagai *Darūriyyāt al-Khams* yang merangkumi penjagaan terhadap agama, nyawa, akal, nasab dan harta. Kegagalan untuk memenuhi keperluan ini boleh membawa kepada kemudaratan yang serius, termasuklah memberi risiko kepada lima perkara utama di atas (Aryanti, 2016). Sebaliknya, perkara *ḥājīyāt* tidaklah terlalu penting dalam kehidupan seseorang, akan tetapi lebih kepada keperluan yang boleh meringankan individu daripada mengalami kesukaran dalam kehidupan dan tidak menjejaskan kelima-lima perkara asas (MAIS, t.th). Dalam erti kata lain, perkara *ḥājīyāt* tidak memberi ancaman kepada kehidupan manusia atau gangguan kepada urusan harian. Namun begitu, dalam bidang ibadah, ia berfungsi sebagai rahmat dengan memberi kemudahan dalam menunaikan solat seperti turunnya Syariat untuk qasar solat dan rukhsah ibadah yang lain (Yasir Abdullah, t.th).

Bagi perkara *taḥsiniyyāt* pula ia merupakan suatu perkara atau wasilah yang boleh meningkatkan martabat seseorang individu dalam kalangan masyarakat dan di sisi Allah melalui ketaatan (Aryanti, 2016). Tambahan pula, ia juga merupakan perkara yang tujuannya adalah untuk mencantikkan dan mengindahkan kehidupan manusia dan

akhirnya mampu menjadikan kehidupan seseorang itu sempurna daripada sebarang kesukaran (Jabatan Mufti Wilayah Persekutuan, 2019). Menurut Imam Al-Ghazālī (1993), *taḥsiniyyāt* adalah menjadikan sesuatu lebih baik dan cantik dalam kehidupan seharian seperti memilih pakaian yang bagus untuk dipakai ketika solat. Perkara ini adalah penting untuk dilakukan kerana ia membantu manusia merasa baik dan memberi kesan yang baik kepada orang lain. Jika kita tidak berusaha untuk memperbaiki diri dan persekitaran kita, orang mungkin tidak memandang tinggi terhadap kita (Yasir Abdullah, t.th).

Justeru itu, pengkaji melihat bahawa perbincangan antara kaitan SWKK dengan *Maqāṣid Sharīʿah* ini perlu dibahas dengan lebih mendalam. Menurut Mokhtar (2022), keperluan SWKK dalam kalangan individu adalah berbeza berdasarkan kepada pelbagai faktor. Oleh itu, pengkaji telah membuat pecahan terhadap tiga kumpulan masyarakat mengikut tahap pendapatan isi rumah yang disandarkan kepada tingkatan *Maqāṣid Sharīʿah* yang tiga iaitu *darūriyyāt*, *hājiyyāt* dan *taḥsiniyyāt*.



Rajah 4.2: Tingkatan *Maqāṣid Sharīʿah* dengan SWKK

4.3.1.1 Kategori *Darūriyyāt*

Pada penelitian pengkaji, individu dan masyarakat yang dilihat sangat perlu untuk menyertai SWKK adalah terdiri daripada mereka yang berpendapatan rendah (B40) dan muallaf. Golongan B40 ialah isi rumah yang menerima pendapatan 40 peratus terendah daripada jumlah keseluruhan rakyat Malaysia iaitu bernilai RM4,360 dan ke bawah (Siwar et al., 2019). Bagi mereka yang berpendapatan rendah, persediaan tabungan untuk menghadapi sebarang musibah adalah lebih baik daripada mencari wang apabila musibah telah berlaku. Hal ini secara tidak langsung dapat memberi kelegaan dan keringanan kepada ahli waris untuk menguruskan kos pengurusan jenazah sekiranya berlaku kematian. Situasi mengenai ketiadaan kewangan yang mencukupi dalam membiayai pengurusan jenazah telah banyak dilaporkan di dada akhbar yang berpunca daripada kecuaiannya manusia itu sendiri.

Antaranya ialah berita mengenai seorang bapa yang disuruh pulang kerana tidak mampu membayar pengebumian bayi lelakinya yang berjumlah RM300 kepada pihak surau (Mohd Azam Shah Yaacob, 2019). Selain itu, terdapat juga kisah mengenai seorang bapa yang tidak mampu membiayai pengurusan jenazah isterinya disebabkan ketiadaan wang simpanan untuk menampung kos pengurusan tersebut (Azizan, 2023). Rentetan daripada contoh yang dikemukakan di atas, jelaslah bahawa tabungan kos pengurusan jenazah dengan menyertai SWKK bagi masyarakat yang berkemampuan rendah adalah relevan dan penting kerana mereka berhadapan dengan risiko yang sangat tinggi sekiranya ketiadaan wang simpanan dan tidak melakukan tabungan khusus.

Selain itu, golongan muallaf juga dilihat perlu diberi pendedahan untuk menyertai SWKK. Ini adalah kerana dibimbangi sekiranya golongan ini tidak didedahkan dengan SWKK, ia memberi kesukaran kepada orang ramai untuk membantu dalam menguruskan jenazah individu tersebut kerana tiada waris yang

hendak membantu seperti tampil meminta pertolongan daripada masyarakat Muslim dalam menguruskan jenazah dengan cara yang betul. Seperti yang kita maklum, cabaran terhadap individu muallaf sudah tidak asing lagi bagi masyarakat Muslim di negara ini.

Pelbagai perkara yang perlu dihadapi khususnya terhadap ahli keluarga. Selain itu, terdapat juga cabaran lain yang perlu dilalui seperti cabaran dari aspek perkahwinan, integrasi budaya Islam, motivasi diri dan juga murtad (Shaharuddin et al., 2017). Justeru itu, kepentingan terhadap penyertaan SWKK dalam kalangan masyarakat muallaf juga dilihat wajar supaya tiada satu pun Muslim yang tidak mendapat pengurusan dan penghormatan jenazah seperti yang dituntut oleh Islam.

4.3.1.2 Kategori *Hājiyāt*

Bagi kategori *hājiyāt* pula, pengkaji melihat bahawa individu dan masyarakat yang mempunyai pendapatan pertengahan (M40) yang berpendapatan sebanyak antara RM4,361-RM9,619 (Siwar et al., 2019) adalah sesuai untuk dikategorikan di bawah kumpulan ini iaitu separa perlu dalam penyertaan SWKK. Jika dilihat dari sudut kemampuan kewangan golongan ini, sudah pastinya mereka tidak mempunyai masalah yang begitu serius ataupun mempunyai risiko yang terlalu besar sebagaimana golongan masyarakat dalam kategori *darūriyyāt* sebelum ini. Oleh itu, mereka ini diberi pilihan untuk menyertai SWKK ataupun sebaliknya. Jika sebaliknya, individu di bawah kategori ini hanya perlu memastikan bahawa mereka tidak mempunyai sebarang masalah dan kekangan dalam membiayai kos pengurusan jenazah apabila perkhidmatan pengurusan telah selesai dilaksanakan.

4.3.1.3 Kategori *Tahsiniyyāt*

Bagi kategori ini pula, pengkaji mengklasifikasikan bahawa individu dan masyarakat yang mempunyai pendapatan tinggi iaitu (T20) yang mempunyai pendapatan sebanyak RM9,619 dan ke atas adalah tidak berkeperluan untuk menyertai SWKK. Meskipun begitu, ia masih boleh menjadi pilihan kepada mana-mana individu yang hendak menyertainya kerana tiada halangan dan syarat untuk melibatkan diri dalam SWKK. Hal ini demikian kerana, golongan ini telah mempunyai pendapatan yang kukuh berbanding golongan sebelum ini.

Sebagai rumusannya, saranan terhadap penyertaan SWKK adalah terbuka kepada semua individu Muslim di negara ini. Walaupun begitu, kajian terhadap keperluan penyertaan SWKK telah pun dikenalpasti berdasarkan tingkatan *Maqāsid Sharī'ah* yang tiga bermula daripada kategori sangat perlu, perlu dan tidak perlu (*hanya untuk mencapai kesempurnaan*). Pengkaji percaya bahawa kajian ini boleh dimanfaatkan dan dijadikan rujukan bagi pihak institusi masjid dalam membanci masyarakat yang wajar menyertai SWKK demi kepentingan masa hadapan mereka dan mengelakkan daripada berlakunya isu pengurusan jenazah yang tidak selesai.

4.4 Peranan *Maqāsid Sharī'ah* dalam Aplikasi SWKK

Pentadbiran sesebuah negara yang didasari dengan *Maqāsid Sharī'ah* dapat menghasilkan program, aktiviti dan juga polisi negara itu dirancang dengan baik (Abdul Rahman, 2015). Justeru itu, sokongan terhadap idea yang telah dicetuskan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Hj. Abdul Razak di Majlis Perdana Ulama - Umara' dan Anugerah Masjid Malaysia 2014 di Putrajaya pada 28 Ogos 2014 mengenai cadangan penubuhan Indeks Syariah Malaysia wajar diwujudkan


sebagai pelengkap dan penyempurna tadbir urus Islam (Bernama, 2015). Indeks ini bertujuan menjadi sebagai kayu ukur dan indikator supaya setiap perkara yang dilakukan oleh pentadbiran kerajaan adalah memenuhi dan mematuhi garis undang-undang Syariah dengan sebaiknya (Abidin et al., 2016). Memandangkan *Maqāṣid Sharī'ah* saling berkait rapat dengan konteks pentadbiran yang juga dikenali dengan *Siyasah Syar'iyah*, maka sesuatu peraturan ataupun perkara yang diwujudkan perlulah selaras dengan roh Syariah serta menjamin kebaikan dan mengelakkan keburukan (Yusoff & Mokhtar, 2021).

Sejajar dengan itu, amalan SWKK di bawah institusi masjid dilihat perlu untuk dikaji dan diurus dengan baik sebagaimana kajian yang telah dilakukan terhadap tadbir urus dalam konsep zakat. Ini kerana, dengan adanya konsep tadbir urus yang jelas dan pragmatik, pengurusan hal ehwal SWKK akan menjadi lebih efektif dan teratur. Tindakan ini diyakini boleh menjadi langkah awal dalam pemerkasaan SWKK di bawah institusi masjid agar menjadi model pengurusan jenazah yang lebih bersistematik dan efektif di dunia. Walau bagaimanapun, bagi kajian ini, pengkaji hanya akan memfokuskan kaitan SWKK dan tadbir urusya dengan *Maqāṣid Sharī'ah* dari konteks *Darūriyyāt al-Khams* sahaja.

4.4.1 *Maqāṣid Sharī'ah* dan SWKK

Secara umumnya, SWKK banyak memberi manfaat yang jelas kepada masyarakat Muslim sama ada dari sudut kutipan tabungan secara bersama mahupun dari sudut agihan manfaatnya. Ini kerana, pada zaman ekonomi yang semakin meruncing kini, galakan terhadap setiap Muslim dalam menyediakan tabungan

persediaan kematian khususnya SWKK adalah amat rasional dan diperlukan dalam membantu ahli waris daripada mengalami situasi yang sukar di kemudian hari. Dapat dilihat bahawa, amalan dan pelaksanaan SWKK sangat berkait rapat dengan prinsip *Maqāsid Sharī'ah* yang menjadi tunjang kepada kebolehan dan kerelevanan sesuatu perkara. Maka dengan itu, pengkaji akan menghuraikan dua prinsip asas *Maqāsid Sharī'ah* yang dilihat mempunyai kaitan yang besar dengan amalan SWKK serta tadbir urusnya iaitu *ḥifz dīn* (menjaga agama) dan *ḥifz māl* (menjaga harta).



4.4.1.1 *Hifz Dīn* (Penjagaan Agama)

Al-Yūbī (1998) telah mendefinisikan bahawa *hifz dīn* sebagai tindakan memelihara kesucian agama Islam bagi menjamin keselamatan di dunia dan di akhirat. *Hifz dīn* merupakan *Maqāṣid Sharī'ah* yang berada di tempat paling hadapan dalam *Darūriyyāt al-Khams* berbanding yang lain. Ini kerana, asas kepada terpeliharanya nyawa, akal, jiwa, dan harta bermula daripada penjagaan dan pemeliharaan terhadap agama (Al-Khādimī, 2001). *Hifz dīn* juga ditakrifkan sebagai pemeliharaan terhadap kesucian agama daripada segala perkara yang boleh mengganggu-gugat akidah dan keimanan seseorang (Mat Daud et al., 2015).

Nasibah et al., (2020) turut menyatakan bahawa *hifz dīn* membawa maksud pelaksanaan terhadap segala tuntutan agama iaitu Islam dan menjauhkan diri daripada segala perkara yang bercanggah dengan nilai Islam. Mohamed Naim (2003) pula menyatakan bahawa, prinsip ini menjelaskan bahawa agama Islam bukan semata-mata suatu bentuk kepercayaan dan peribadatan, akan tetapi secara keseluruhannya Islam ini merupakan satu sistem hidup yang terdiri daripada peraturan-peraturan hidup yang syumul.

SWKK ini sangat berkait rapat dengan pengurusan khairat kematian iaitu pengurusan terhadap jenazah Islam. Apabila melihat isu mengenai SWKK, maka secara tidak langsung perbincangan terhadap pengurusan khairat kematian juga turut akan disentuh. Bagi prinsip yang pertama iaitu penjagaan agama (*hifz dīn*), secara tidak langsung budaya SWKK ini mampu menghidupkan agama (Abdul Mutalib, 2022) iaitu dengan mengamalkan sikap tolong-menolong dan memupuk semangat bekerjasama sesama Muslim ketika proses pengurusan jenazah yang sedang berlangsung sepertimana yang telah dianjurkan di dalam al-Quran dan hadith. Antara dalil yang jelas

dan mudah difahami telah pun direkodkan oleh (Shahbuddin & Gunardi, 2022) di dalam artikelnya mengenai SWKK dan kaitannya dengan perkara kebaikan yang berteraskan daripada ayat al-Quran, Surah Al-Maidah, ayat 2:

﴿وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ ۗ وَاتَّقُوا اللَّهَ ۚ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ﴾

Maksudnya: “Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran. Dan bertakwalah kamu kepada Allah, sesungguhnya Allah amat berat seksa-Nya”.

Manakala, dari konteks hadith pula dapat dilihat bahawa hadith daripada *Abū Hurairah R.A.*, yang diriwayatkan oleh Imam Muslim di dalam Bab *Al-Birr Wa Silah*, #1479 beliau bersabda:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: مَنْ نَفَسَ عَنْ مُؤْمِنٍ كُرْبَةً مِنْ كُرْبِ الدُّنْيَا نَفَسَ اللَّهُ عَنْهُ كُرْبَةً مِنْ كُرْبِ يَوْمِ الْقِيَامَةِ، وَمَنْ يَسَّرَ عَلَى مُعْسِرٍ يَسَّرَ اللَّهُ عَلَيْهِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ، وَمَنْ سَتَرَ مُسْلِمًا سَتَرَهُ اللَّهُ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَاللَّهُ فِي عَوْنِ الْعَبْدِ مَا كَانَ الْعَبْدُ فِي عَوْنِ أَخِيهِ.....

Maksudnya: “Barang siapa yang melepaskan satu kesusahan seorang mukmin, pasti Allah akan melepaskan darinya satu kesusahan pada hari kiamat. Barang siapa yang menjadikan mudah urusan orang lain, pasti Allah akan memudahkannya di dunia dan di akhirat. Barang

siapa yang menutup aib seorang Muslim, pasti Allah akan menutupi aibnya di dunia dan di akhirat. Allah senantiasa menolong hamba-Nya selama hamba-Nya itu suka menolong saudaranya...”. (Hadith. Muslim. Sahih. Bulūghul Marām Min Adillatil Ahkām: Bab Al-Birr Wa Şilah. #1479)

(Riwayat Imam Muslim)

Berdasarkan kepada dalil-dalil yang dinyatakan di atas menunjukkan bahawa SWKK yang merupakan tabungan bersama secara sukarela ini, bukan sahaja mampu memberi manfaat kepada diri peserta SWKK itu sendiri, malahan ahli khairat yang lain juga turut akan dapat manfaat yang menyeluruh melalui sumbangan tersebut. Tambahan pula, dengan adanya SWKK ini juga, urusan jenazah bagi keluarga asnaf turut dapat dibantu dengan cepat dan menyeluruh tanpa mengharapkan bayaran daripada keluarga si mati sebelum proses pengurusan jenazah dilakukan (Saim, 2022). Amalan ini bertepatan dengan kata-kata Imam Az-Zuhaili (2011) mengenai hukum membiayai kos pengurusan jenazah Muslim yang lain iaitu:

فإن تعذر فعلى أغنياء المسلمين وأهل الخير، احتراماً لإنسانيته، وتكافلاً وتضامناً معه

Maksudnya: “Jika tidak mampu, maka ke atas orang-orang Muslim yang kaya dan ahli kebajikan (untuk membiayai kos pengurusan jenazah), sebagai tanda hormat, bantu-membantu, sokong menyokong sesama manusia.”

(Az-Zuhaili, 2011)

Kenyataan ini juga adalah berdasarkan dalil yang terdapat di dalam al-Quran, Surah al-Baqarah, ayat 272 iaitu:

﴿لَيْسَ عَلَيْكَ هُدَاهُمْ وَلَكِنَّ اللَّهَ يَهْدِي مَنْ يَشَاءُ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ حَيْرٍ فَلَا تُنْفِسْكُمْ وَمَا تُنْفِقُونَ إِلَّا ابْتِغَاءَ وَجْهِ اللَّهِ وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ حَيْرٍ يُؤْتِ إِلَيْكُمْ وَأَنْتُمْ لَا تُظْلَمُونَ﴾

Maksudnya: “Bukanlah kewajibanmu menjadikan mereka mendapat petunjuk, akan tetapi Allah yang memberi petunjuk (memberi taufiq) siapa yang dikehendaki-Nya. Dan apa saja harta yang baik yang kamu nafkahkan (di jalan Allah), maka pahalanya itu untuk kamu sendiri. Dan janganlah kamu membelanjakan sesuatu melainkan kerana mencari keridaan Allah. Dan apa saja harta yang baik yang kamu nafkahkan, nescaya kamu akan diberi pahalanya dengan cukup sedang kamu sedikit pun tidak akan dianiaya..”

Oleh itu, proses pengurusan jenazah perlu dilaksanakan oleh sebahagian masyarakat Muslim bagi menyempurnakan tanggungjawab yang tertakluk dalam hukum fardu kifayah (Pulungan et al., 2020). Dari konteks pengurusan jenazah, apabila sebahagian penduduk telah mengambil tanggungjawab dalam membantu menguruskan seorang jenazah, maka terlepaslah dosa bagi sebahagian penduduk lain yang tidak turut serta dalam urusan tersebut. Kenyataan ini juga telah termaktub di dalam hadith Nabi Muhammad S.A.W yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari di dalam Bab *Muhrim Yamūt Bi ʿArafah*. #1850.

حَدَّثَنَا سُلَيْمَانُ بْنُ حَرْبٍ، حَدَّثَنَا حَمَّادٌ، عَنْ أَيُّوبَ، عَنْ سَعِيدِ بْنِ جُبَيْرٍ، عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ . رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا . قَالَ بَيْنَا رَجُلٌ وَاقِفٌ مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بِعَرَفَةَ

إِذْ وَقَعَ عَنْ رَاحِلَتِهِ فَوَقَصْتَهُ . أَوْ قَالَ فَأَوْقَصْتَهُ . فَقَالَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ "اغْسِلُوهُ بِمَاءٍ وَسِدْرٍ، وَكَفَّنُوهُ فِي ثَوْبَيْنِ، وَلَا تَمَسُّوهُ طَيْبًا، وَلَا تُحَمِّرُوا رَأْسَهُ، وَلَا تُحِطُّوهُ، فَإِنَّ اللَّهَ يَبْعَثُهُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مُلَيَّنًا.

Maksudnya: “Ada seorang lelaki yang sedang wukuf di Arafah bersama Nabi S.A.W. Tiba-tiba ia terjatuh dari haiwan tunggangannya lalu meninggal. Maka, Nabi S.A.W. bersabda: mandikanlah dia dengan air dan daun bidara dan kafanilah dia dengan dua lapis kain, jangan beri minyak wangi dan jangan tutup kepalanya kerana Allah S.W.T. akan membangkitkannya di hari Kiamat dalam keadaan bertalbiyah”. (Hadith. Bukhari. *Ṣaḥīḥ Al-Bukhārī*: Bab Muḥrim Yamūt Bi °Arafah. #1850)

(Riwayat Imam Bukhari)

Hadith ini jelas menunjukkan bahawa, sekiranya terdapat individu Muslim yang meninggal dunia, maka menjadi tanggungjawab terhadap individu Muslim yang masih hidup untuk menguruskannya. Perkara ini selari dengan tuntutan agama yang menggalakkan supaya sentiasa menjadi Muslim yang saling melengkapi antara satu sama lain dengan matlamat untuk mencapai reda Allah. Sebagaimana hadith yang telah dinukilkan oleh Nu'man bin Basyir R.A akan perumpamaan hubungan saudara sesama Muslim yang diriwayatkan daripada Imam Bukhari dan Muslim di dalam Kitab *Riyāḍus Ṣāliḥīn*, Bab *Ta'zīm Hurumātil Muslimīn Wa Bayān Huqūqihim Wa Syafaqati °Alaihim Warahmatihim*, #224.

وعن النعمان بن بشير رضي الله عنهما قال: قال رسول الله صلى الله عليه وسلم
”مثل المؤمنين في توادهم وتراحمهم وتعاطفهم، مثل الجسد إذا اشتكى منه عضو
تداعى له سائر الجسد بالسهر والحمى“ (متفق عليه)

Maksudnya: “Perumpamaan orang-orang beriman dalam hal saling mencintai, mengasihi dan saling berempati bagaikan satu tubuh. Jika salah satu anggotanya merasakan sakit, seluruh tubuh turut merasakannya dengan berjaga dan merasakan demam.” (Hadith. Bukhari dan Muslim. Riyāḍus Ṣāliḥīn: Bab Taʿzīm Hurumātīl Muslimīn Wa Bayān Ḥuqūqihim Wa Syafaqati ʿAlaihim Warahmatihim. #224)

(Riwayat Imam Bukhari dan Imam Muslim)

Zakaria & Othman (2023) telah menekankan bahawa *hifz din* ini mempunyai konteks yang luas seperti akidah, syariah dan akhlak. Antara aspek yang terdapat pada sudut-sudut yang disebutkan di atas ialah niat yang baik, menjaga agama, tidak menduakan Allah atau murtad, tazkirah dan juga zikrullah. Maka, melalui kenyataan di atas jelas menunjukkan bahawa SWKK adalah menepati konteks *hifz dīn* yang boleh dikatakan sebagai amalan yang mampu menghidupkan agama Islam berdasarkan nilai murni yang ada pada ciri-cirinya yang sangat rapat dengan aspek zikrullah. Ini kerana, sememangnya secara automatik amalan SWKK mampu menjadi wasilah atau jalan kepada mengingati Allah terhadap orang awam yang masih hidup dengan melihat, mengikuti serta membantu proses pengebumian jenazah.

Beralih kepada konteks tadbir urus SWKK dari sudut *ḥifz* din pula, memandangkan SWKK adalah amalan yang selari dengan konsep yang mendukung semangat saling membantu dan bekerjasama sesama Muslim, maka akad yang dizahirkan di dalam perjanjian SWKK antara pihak pengurusan dan ahli khairat merupakan antara instrumen asas yang menjadi tunjang utama dalam mencapai objektif Syariah dari sudut penjagaan agama. Akad yang dimaksudkan oleh pengkaji ialah akad *tabarru^c* yakni sumbangan yang dilakukan dalam SWKK yang perlu difokuskan dalam ijab qabul ataupun kontrak (e-Muamalat JAKIM, 2023) Penekanan terhadap keperluan menyatakan atau menzahirkan akad dalam SWKK secara tidak langsung menjadikan pengurusan SWKK menepati kehendak *Maqāsid Sharī'ah*.

Selain itu juga, dengan adanya penekanan terhadap elemen akad dalam SWKK, diharapkan supaya pihak peserta khairat kematian akan lebih cakna, faham dan teliti dengan amalan dan garis panduan SWKK di kawasan masing-masing agar tidak berlaku isu salah faham ataupun tidak puas hati dengan pihak pengurusan SWKK. Oleh yang demikian, di sini jelas menunjukkan bahawa gambaran keseluruhan bagi amalan SWKK serta tadbir urusnya dari sudut penjagaan agama sangat berkait rapat dengan *Maqāsid Sharī'ah*. Hal ini kerana, amalan ini secara tidak langsung membawa kepada pemeliharaan terhadap hubungan sosial serta penjagaan terhadap keseimbangan sosial dalam masyarakat. Kebaikan dan manfaat ini dapat diperoleh melalui praktikal SWKK yang betul dan tepat sebagaimana yang telah diamalkan di kebanyakan insituti masjid dan surau.

4.4.1.2 *Hifz Māl* (Penjagaan Harta)

Seterusnya, pengembangan, pemeliharaan bagi sesuatu harta daripada sebarang kerosakan, kehilangan dan berkurangan merupakan definisi penjagaan harta dari sudut *Maqāṣid Sharī'ah* (Al-Khādimī, 2001). Permulaan kepada tindakan menjaga harta adalah dengan melalui beberapa fasa iaitu fasa pemilikan, penggunaan dan penjagaan melalui cara yang benar dan halal. Pemilikan harta boleh didapati melalui pekerjaan, pewarisan, pemberian harta negara kepada masyarakat dan harta juga boleh diterima melalui derma seperti hibah, sedekah dan hadiah (Akbar, 2012). Setiap Muslim diwajibkan memanfaatkan hartanya dengan bijak kerana Islam melarang umatnya daripada menyalahgunakan, membazir, memiliki dan membelanjakan harta dengan cara yang haram (Iswandi 2014: Razali et al., 2020). Merujuk kepada kenyataan di atas, SWKK merupakan skim yang bukan digunakan untuk perkara yang tidak dibenarkan syarak, malahan ia bertujuan untuk bantu-membantu sesama Muslim yang memerlukan perkhidmatan pengurusan jenazah dengan cara tabungan bersama.

Realitinya, SWKK ini adalah amalan yang mirip dan sama dengan takaful kerana konsepnya yang berfokus untuk saling membantu antara satu sama lain. Menurut Yakob & Abd Rahman (2017), mereka menyatakan bahawa takaful boleh dikategorikan sebagai satu perkara yang *darūriyy* pada masa kini terutama bagi golongan yang berpendapatan rendah yang dipengaruhi oleh pelbagai faktor. Abdullah et al., (2020) turut menyokong bahawa takaful yang merupakan produk bagi pengurusan risiko secara sistematik ini sangat mustahak dan perlu kepada setiap keluarga lebih-lebih lagi apabila melibatkan benefisiari (penerima manfaat) yang di bawah umur serta pasangan yang tiada sumber pendapatan.

Berdasarkan kepada kenyataan di atas, tahap keperluan SWKK juga boleh disandarkan kepada produk takaful kerana kedua-dua praktis ini berkongsi objektif

yang hampir sama iaitu berfokus kepada tabungan secara bersama. Perbezaannya hanyalah pada pelaksanaan, pengurusan dan manfaat antara kedua produk ini. Bagi pengurusan SWKK yang berada di bawah seliaan institusi masjid, ia dilihat lebih mudah dan cepat untuk dituntut (Fakhrur Radzi, 2020). Lazimnya, manfaat SWKK tersebut akan digunakan secara terus untuk pengurusan jenazah dan ini sedikit berbeza dengan takaful yang mana manfaatnya lebih kepada perlindungan kewangan semata-mata. Justeru itu, dapat dilihat bahawa fokus SWKK ini adalah lebih kepada pembiayaan pengurusan jenazah bagi setiap peserta yang menyertainya.

Tambahan pula, sekiranya diamati dan diteliti dengan lebih mendalam akan penyertaan terhadap SWKK ini bukanlah suatu pembaziran dan sia-sia. Malahan, ia merupakan satu keperluan terutamanya bagi individu yang kurang berkemampuan untuk membuat persediaan dengan lebih terancang dalam menghadapi situasi yang melibatkan kematian. Lebih-lebih lagi apabila kos pengebumian jenazah kini semakin mahal (Ashari, 2019) dan juga berbeza mengikut kawasan (Admin, 2023). Oleh yang demikian, satu usaha daripada pihak JAIS untuk memperhalusi kadar pengurusan jenazah di negeri Selangor perlulah dijalankan dengan menyediakan satu garis panduan bagi menyelaraskan kos bayaran pengurusan jenazah untuk mengelakkan daripada timbulnya isu-isu yang tidak diingini adalah sangat tepat (Azni, 2022).

Selain itu, terdapat banyak isu mengenai urusan jenazah yang tertunda ataupun tidak dapat disegerakan kerana tiada kewangan yang kukuh (Naimmullah Jaya, 2020). Oleh itu, bagi mengelakkan daripada isu ini berbangkit, SWKK ini dilihat menepati dan selari dengan konsep menjaga harta seorang Muslim. Ini kerana, segala urusan berkaitan pengurusan jenazah dapat diselesaikan dengan mudah dan sempurna.

Bermula dari sudut kewangan yang menjadi objektif utama SWKK sebagai tabung bagi

menyediakan kelengkapan dan upah pengurusan jenazah seperti upah memandikan, mengkafankan dan menguburkan jenazah (Ismail et al., 2019).

Seterusnya, kos penyediaan tempat pengebumian, upah bagi penggali kubur dan pengangkutan van jenazah juga tidak terkecuali. Ini menunjukkan, hampir kesemuanya memerlukan kepada bayaran wang ringgit. Lebih-lebih lagi pada zaman serba moden kini, keperluan terhadap kewangan adalah menjadi satu keperluan yang sangat tinggi. Oleh itu, secara umumnya terbukti bahawa SWKK boleh dikategorikan sebagai salah satu produk yang menepati konsep *hifz māl* berdasarkan ciri-ciri serta manfaatnya yang jelas iaitu berkonsepkan takaful *ijtimā'iy* dalam membantu dan memberikan kemaslahatan manusia khususnya umat Islam.

Namun begitu, sudut pandang SWKK dari sudut tadbir urus atau pengurusan masjid pula ialah ia dilihat mampu mencapai objektif *Maqāsid Shari'ah* dalam *hifz māl* dengan memenuhi kriteria-kriteria pengurusan kewangan yang amanah dan telus. Kenyataan ini turut dijelaskan di dalam buku Indeks Syariah Malaysia tentang prinsip utama dalam penjagaan harta adalah mengguna pakai prinsip *al-adl wal ihsan* (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2015) Sebarang bentuk penyelewengan atau salah guna kuasa dalam pengurusan harta merupakan tindakan yang melanggar objektif Syariah kerana bercanggah dengan ajaran dan nilai-nilai yang digariskan oleh syariat Islam.

Maka dengan itu, antara nilai ataupun etika yang perlu ada dalam pengurusan kewangan SWKK ini ialah pertama sekali, segala hal ehwal mengenai dana dan kewangan SWKK perlulah diurus dan diselia oleh individu yang amanah dan bertanggungjawab. Kedua, pihak pengurusan perlulah mengemaskini rekod keluar masuk kewangan SWKK dengan cekap dan efisien. Ketiga, pemberitahuan dan makluman secara berkala mengenai rekod kewangan SWKK secara berkala turut dilihat merupakan salah satu kaedah yang telus dalam mengurus harta SWKK. Akhir sekali,

kaedah penyimpanan dana SWKK turut perlu dititikberatkan supaya tidak berlaku sebarang perkara yang tidak diinginkan iaitu dengan cara menyimpan wang tersebut di tempat yang diyakini selamat dan kurang kemudaratanya.

Rentetan daripada huraian di atas jelas menunjukkan bahawa tadbir urus SWKK serta amalannya ini mampu mencapai objektif *Maqāsid Sharī'ah* yang kelima iaitu *hifz māl* sekiranya segala perkara berkaitan pengurusan yang melibatkan harta dikelola dengan cara yang benar mengikut garis panduan Syarak.

4.5 Kesimpulan


Sebagai rumusannya, tiga tingkatan dan dua prinsip utama yang dapat dikupas terhadap SWKK dengan *Maqāsid Sharī'ah* sepertimana yang telah diterangkan di atas jelas menunjukkan bahawa SWKK adalah selari dengan objektif *Maqāsid Sharī'ah*. Hal ini kerana, kepentingan terhadap kesejahteraan dan hak asasi seorang manusia terutamanya dalam konteks pengurusan jenazah telah menjadi tujuan utama dalam penubuhan SWKK di samping pengurusan dan tadbir urus yang megikut acuan Syarak. Amalan yang baik dan mulia seperti ini wajar diteruskan demi kebaikan umat Islam. Namun tidak dinafikan bahawa pengurusan SWKK sedia ada perlu dikemaskan dan diperbaiki dari semasa ke semasa bagi mencapai satu metod yang sempurna dalam membantu pengurusan jenazah di Malaysia.

Pada masa yang sama, SWKK turut menjadi satu simbolik dan lambang kesatuan umat Islam dalam membantu saudara seagama terhadap jenazah dan juga ahli waris yang ditinggalkan melalui tabungan bersama antara ahli SWKK. Kemudiannya, dari sudut pengurusan jenazah pula ia dibantu oleh individu yang ahli dan pakar dalam proses pengebumian jenazah daripada awal hingga akhir dengan cara yang paling baik dan sempurna. Justeru itu, tiada isu mengenai pengendalian pengurusan jenazah boleh

ditimbulkan selagi mana keterlibatan pihak yang merupakan ahli dalam bidang ini terlibat dalam SWKK.

Sebagai kesimpulannya, sekecil-kecil bantuan yang disumbangkan dalam amalan SWKK ini akhirnya mampu memberi implikasi yang besar terhadap diri seseorang individu. Oleh itu, memetik kepada kaedah usul fiqh *ما لا يدرك كله لا يترك كله* yang bermaksud *'jika tidak mampu mengerjakan kesemuanya maka jangan meninggalkan kesemuanya'* (Zaidan, 2020) menunjukkan bahawa penyertaan masyarakat dalam SWKK yang juga dikategorikan sebagai amal kebajikan memerlukan kepada komitmen bayaran tertentu bagi tempoh tertentu merupakan satu inisiatif yang perlu dipuji kerana ia dilakukan hanya semata-mata untuk kebaikan keluarga dan masyarakat.

Maka bagi memudahkan pembacaan pembaca, pengkaji mengolah dapatan kajian bab ini kepada gambar rajah seperti berikut:



Rajah 4.3: Hubungan & tadbir urus SWKK berdasarkan *Maqāsid Sharī'ah*